

Qalam

Bilangan 73 Muharam 1376 Ogos 1956 – 60 Sen

Selamat Datang al-Malik al-Karim

Al-Malik Saud bin Abdul Aziz Malik al-Mamlakah al-Arabiyah al-Suudiyah dalam lawatan beliau pada awal bulan Ogos ini ke Indonesia singgah di Singapura dan persinggahan seorang Raja Hijaz yang kaya yang telah memajukan Tanah Suci itu adalah menjadi satu lawatan kemuliaan kepada umat Islam Singapura khususnya dan umat Islam di Semenanjung Tanah Melayu umumnya.

Yang demikian merapatkan lagi pertalian yang telah berkurun-kurun yang tidak putus-putusnya antara Hijaz dengan Semenanjung Tanah Melayu ini iaitu dengan kerana tiap-tiap tahun dari dahulu lagi umat Islam sentiasa menziarah Tanah Suci untuk menunaikan fardhu Haji yang menjadi Rukun Islam yang kelima.

Atas ketibaan baginda ini kita mengucapkan dan menyambut dengan kata-kata *Ahlan wasahlan wa marhaban bi al-Mulk li Karim*. Kita berharap ketibaan baginda ke mari akan merapatkan lagi tali yang telah diikat dengan erat di antara Hijaz dengan seluruh umat Islam di Semenanjung ini.

Kita umat Islam patut bersyukur dan berterima kaih kepada tadbir dan kebijaksanaan baginda dengan baik akan perjalanan Haji semenjak dari Almarhum ayahanda baginda al-Malik Abdul Aziz Ibn Saud, semenjak dari pemerintahan Saudi Arabia itu. Di Hijaz, kita tidak mendengar lagi rompak samun yang dilakukan ke atas diri orang-orang Islam yang menunaikan fardhu Haji.

Tidak dapat dinafikan dan tidak dapat ditolak bahawa di dalam sesebuah negeri itu bagaimanapun adilnya, bagaimanapun saksamanya namun seorang dua ada juga melakukan kejahatan tetapi mudah-mudahan kejahatan-kejahatan sedemikian itu tidak seperseratus dari kejahatan-kejahatan yang berlaku pada masa-masa yang lampau. Sementelah pula dalam pemerintahan baginda yang serupa itu dapat pula baginda membanterasnya dengan sewajarnya.

Kedatangan baginda ke mari mudah-mudahan memberi manfaat yang besar melihat dari dekat bagaimana kesungguh-sungguhan umat Islam di sini tentang cita-cita terhadap keislamannya dan dapat pula baginda melihat akan hal-hal kelemahan dan kedaifan mereka pada menyatukan diri dan pada menegakkan cita-cita keislaman yang menjadi cita-cita tiap-tiap umat Islam di seluruh dunia yang baginda sendiri adalah menjadi salah satu punca menyampaikan. Cita-cita itu dengan kedudukan baginda menjadi raja di dalam Tanah Suci.

Tanggungjawab baginda mengawal Tanah Suci itu sangat berat. Pada tahun 1955 orang yang telah datang ke Tanah Mekah adalah sebanyak 700,000 orang Haji yang terdiri dari berbagai-bagai bangsa dan mempunyai berbagai-bagai ragam yang datang dari barat, dari timur, dari utara dan selatan. Dengan ini dapatlah dibayangkan betapa besar tanggungjawab beliau untuk menyelenggarakan jemaah yang sedemikian banyaknya yang berlainan pula kecerdasan dan pengertian mereka. Tetapi Alhamdulillah baginda dengan pemerintahannya dapat memperbaiki keadaan itu dengan cukup rapi dan teliti dan baginda sentiasa membuka tempat-tempat untuk menyatakan rasa tidak puas hati segala sesuatu yang diterima oleh jemaah-jemaah itu supaya kemudian nanti dapat diperbaiki dan diselidiki mana-mana yang buruk pada tahun yang lalu di Arafah dan di Mina. Baginda telah menyatakan kepada umat Islam dengan titah baginda di antara lain menyebut dan berpesan:

“Di antara kewajibanmu yang utama hari ini ialah berkenalan-kenalan antara satu dengan lain terhadap sekian banyak saudaramu sesama Muslimin yang datang dari merata-rata negeri dan tempat supaya dengan ini terbukti salah satu dari hikmah Haji al-Hyah yang penting ini, kerana mengenali sesama Muslimin itu adalah salah satu di antara masalah hidup bantu-membantu dan bertolong-tolongan.

“Kemudian sebelum kita berpisah dari tempat-tempat suci hendaklah kita masing-masing berjanji kepada Allah akan berjuang untuk fitrah Islam, berusaha untuk berkhidmat melakukan dakwah dan melakukan pembelaan terhadapnya.

“Setiap Muslimin dari kita hendaklah menjadi angkatan pembela yang ikhlas terhadap dakwah ini di mana pun kita berada dan di tempat mana pun kita tegak berdiri, serta berjuang untuk kaedah ini.

“Begitu pula hendaklah menjadikan diri kita manusia Muslimin yang utama yang berjuang supaya “*kalimah Allah hiya al-‘ulyā*” dan juga supaya kaum Muslimin itu menjadi umat yang satu, kuat, tahan, bergerak maju memimpin yang dapat membawa risalahnya yang suci itu untuk meninggikan darjat perikemanusiaan, memberikan bimbingan ke arah yang hak dan keadilan serta perdamaian.”

Inilah satu titah yang tinggi mutunya yang menjadi cita-cita seluruh umat Islam dan menjadi peringatan kepada seluruh umat Islam kerana itulah persinggahan baginda ke Singapura ini walau sesaat umpamanya, sangat besar ertinya dan besar maknanya.

Bagaimana kita sebut persinggahan itu dapatlah melihat barang sejenak akan kelemahan-kelemahan umat Islam terhadap perkembangan-perkembangan komunis yang telah mula memusingkan pemuda-pemuda daripada pengertian Islam kepada pengertian Atheist. Mudah-mudahan baginda melihat pula bagaimana

kelemahan-kelemahan dakwah Islam di negeri ini dan dapat pula baginda melihat dan memerhati bagaimana umat Islam di sini tidak mempunyai sebuah akhbar pembela Islam yang sudah tiba masanya mesti ada di negeri ini. Mudah-mudahan baginda memahami pula adanya majalah kita tidak memadai untuk menghadapi ribut taufan fahaman-fahaman itu yang menimpa umat kita dan mengetahui akan kelemahan-kelemahan itu dan sebagai seorang *Malik*, Raja yang kaya di antara raja-raja Arab di dunia dan dapat pula baginda memerhatikan dalam perkembangan itu dan hendaknya pandangan yang demikian itu sebagai satu kewajiban daripada kewajiban-kewajiban baginda merapatkan dan mengikat tali persaudaraan Islam.

Mudah-mudahan baginda mengetahui dari dekat bagaimana celaan dan cercaan dihadapkan kepada kabilah kaum Muslimin di negeri ini timbul bukannya sahaja daripada akhbar asing tetapi juga dari akhbar yang berbahasa Melayu yang dibaca oleh umat Islam di sini yang pernah mengatakan apakah faedahnya wang yang dibelanjakan bermilion-milion ringgit tiap-tiap tahun ke Tanah Suci itu kepada manfaat ekonomi di Melayu. Perkataan-perkataan yang pedih ini, Alhamdulillah dapat kami jawab dan pertahankan bukan kerana kita memandang kepada kesucian Tanah Suci tetapi kerana kami memandang kepada apa yang dilaksanakan serta diselenggarakan oleh kerajaan Saudi Arabia semenjak daripada pemerintahan ayahanda baginda sehingga kepada baginda sendiri semakin baik, semakin cemerlang dan semakin memuaskan dengan perbelanjaan-perbelanjaan yang kita ketahui bukannya dapat disempurnakan hanya dengan pendapatan orang-orang Haji tetapi dari pendapatan-pendapatan kerajaan Hijaz yang lain yang dikorbankan untuk kebaikan dan kesempurnaan perjalanan-perjalanan menunaikan fardhu Haji yang kelima itu.

Di dalam apa-apa hal pun kita berasa bersyukur kepada Allah atas kemurahan baginda sudi menjejakkan kaki baginda di tanah air kita ini walaupun,

umpamanya sejenak. Atas ketibaan baginda itu sekali lagi kita mengucapkan *Ahlan wasahlan wa marhaban bi al-Mulk al-Karim*.

* * *

Kita orang Melayu dan Perkembangan-perkembangan Masa Akan Datang.

Melayu menuju kepada kemerdekaannya setahun lagi. Ucapan-ucapan dan janji-janji telah diberi kepada orang-orang Melayu untuk menaung dan membolehkan orang-orang Melayu berdiri sendiri dan akan membuat segala usaha-usaha Melayu itu supaya maju bergerak dan mara.

Kalau kita tidak khilaf Dr Ismail Menteri Perniagaan dan Perusahaan di dalam salah satu ucapannya mengatakan bahawa hendaklah sekalian orang-orang Melayu merebut peluang-peluang yang terbuka supaya dapat mereka bergerak dan maju bersaing bersama-sama dengan bangsa-bangsa asing di negeri ini.

Segala peluang yang diberikan kepada orang-orang Melayu itu hendaklah diterima dan disambut dan janganlah tatkala menyambut itu orang-orang Melayu bersifat "mahu diberi makan disudukan lagi" oleh orang lain dalam menghadapi perkembangan ini sebagaimana yang disebut oleh orang-orang Cina.

Kita, dengan kata-kata itu, patut berasa malu dan insaf bahawa sejak dari dahulu lagi tiap-tiap apa pun juga yang akan kita hadapi selalu kita meminta, cuma meminta dan meminta sama ada kepada orang atau kepada kerajaan untuk menyelenggarakan tiap-tiap sesuatu yang berkenaan dengan kita.

Menurut pelajaran Islam meminta itu adalah merendahkan kedudukan dan meminta itu menjadikan seseorang itu tertakluk kepada orang lain kerana menerima budinya dan ia walau bagaimana pun

tidak dapat mengangkat kepalanya – sentiasa tunduk kepada orang yang telah berbudi kepadanya itu. Islam sangat mencela langkah-langkah sedemikian ini dan kerana itulah Islam menganjurkan supaya percaya kepada diri sendiri, yakin kepada usaha sendiri dan kerana itulah Islam menganjurkan tiap-tiap orang kita, tiap-tiap usaha kita, dihidupkan dengan cukup kemahuan, dengan tenaga, dengan kebolehan dan dengan kesungguhan dan keyakinan, dan menjauhkan di dalam berusaha itu sifat berangan-angan dan bersenang-senang diri sebagaimana yang pernah dan biasa dibuat oleh tiap-tiap orang, oleh tiap-tiap kebanyakan kita di dalam perusahaan-perusahaan yang apabila mendapat sedikit kelebihan menumpahkan segala-galanya untuk kesenangan diri dan membuat kerja-kerja yang *'āṣī*.

Kita telah melihat di hadapan mata kita, harta benda yang ditinggalkan bermilion-milion oleh orang tua kita apabila jatuh kepada anaknya harta itu tidak bertambah naik tetapi merosot turun dan pupus dan akhirnya sudah barang tentu papa sedang dibalik itu bangsa-bangsa asing hidup mewah, hidup maju merebut kedudukan ekonomi kita, lihat di Singapura! Yang termasyhur dahulu kekayaan adalah di tangan orang-orang Islam; lihat di Ibu Persekutuan Tanah Melayu kekayaan dahulu terletak di dalam tangan orang Islam! Tetapi sekarang lepas satu, satu terjual, tergadai dan seumpamanya. Kerana anak cucu mereka itu tidak tahu mengembangkan, tidak tahu meninggikan, membesarkan apa yang ditinggalkan pada mereka, yang tahu hanya menghabiskan dengan perbuatan-perbuatan *'aṣī* mengikut nafsu dan tidak ada usaha-usaha untuk dijalankan.

Daripada contoh-contoh ini hendaklah orang-orang kita menginsafi dan mengambil tauladan kepada perusahaan di seluruh Tanah Melayu yang telah diberikan dengan modal